



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KENYATAAN MEDIA

PELANCARAN DASAR PERHUTANAN MALAYSIA SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2021

YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin telah melancarkan Dasar Perhutanan Malaysia sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2021 di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, Selangor pada hari ini. Majlis turut dihadiri YB Datuk Ali Biju, Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli; YBhg. Datuk Zurinah binti Pawanteh, Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Hadir sama pada majlis pelancaran tersebut secara maya adalah YAB Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri. Pada Majlis ini, Perdana Menteri turut menanam pokok Resak yang dikategorikan sebagai *critically endangered species*.

Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-78 pada 29 Januari 2021 telah bersetuju dan menerima Dasar Perhutanan Malaysia yang menggariskan hala tuju yang jelas termasuk strategi dan pelan tindakan yang pragmatik dalam mendepani cabaran-cabaran baharu sektor perhutanan di peringkat domestik dan antarabangsa. Ia menyaksikan penyatuan julung kalinya semua negeri di Malaysia dalam bidang pengurusan perhutanan negara yang telah menjangkau usia 120 tahun.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada Kementerian serta Kerajaan-kerajaan Negeri yang mempamerkan komitmen yang tinggi dan usaha kolektif sehingga terhasilnya Dasar Perhutanan Malaysia yang inklusif dengan mengambil kira kepentingan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak ke arah mencapai pembangunan mampan serta pengurusan hutan secara bertanggungjawab dan berkekalan (*responsible and sustainable*). Dasar Perhutanan Malaysia boleh didapati di laman web Kementerian Tenaga dan Sumber Asli di <https://www.ketsa.gov.my>.

Penubuhan Malaysia Forest Fund (MFF) telah diluluskan sebagai entiti yang menguruskan mekanisme kewangan khusus untuk sektor perhutanan serta melaksanakan mekanisme Reducing Emissions from Deforestation and Forest Degradation and the Role of Conservation, Sustainable Management of Forests and Enhancement of Forest Carbon Stocks in Developing Countries (REDD Plus). Melalui MFF, Kerajaan-kerajaan Negeri akan memperolehi sumber kewangan untuk usaha-usaha konservasi termasuk perhutanan sosial yang akan dapat meningkatkan taraf sosioekonomi Orang Asli/Orang Asal dan komuniti setempat.

Saya amat berharap badan korporat, pihak swasta dan institusi kewangan untuk bersama-sama terlibat sebagai rakan strategik MFF dalam aktiviti konservasi hutan melalui instrumen-instrumen pensijilan karbon iaitu Forest Conservation Certificates (FCC) dan Forest Carbon Offsets (FCO) mengikut keperluan United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC).

Saya ingin mengulangi komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok seperti mana yang diikrarkan semasa Sidang Kemuncak Bumi pada tahun 1992 di Rio de Janeiro, Brazil. Litupan kawasan berhutan di Malaysia pada masa ini adalah 55.3 peratus yang meliputi kawasan seluas 18.27 juta hektar daripada keluasan tanah negara. Justeru, keluasan kawasan berhutan ini wajar dipelihara dan dipulihara oleh kita semua.

Pengisytiharan Hari Perhutanan Sedunia atau World Forestry Day telah dipersetujui oleh Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO) pada 21 Mac 1972 diikuti dengan pengisytiharan tarikh 21 Mac setiap tahun sebagai Hari Hutan Antarabangsa oleh General Assembly of the United Nations pada tahun 2012.

YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
Menteri Tenaga Dan Sumber Asli

21 Mac 2021

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



[ketsa.malaysia](https://www.instagram.com/ketsa.malaysia)



KeTSAMalaysia
